



UMP pamer seni pertahanan diri di pentas dunia

Oleh: MOHD. ZAKI AHMAD

Tujuh orang gabungan mahasiswa dan alumni UMP mengharumkan nama Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada pentas dunia apabila terpilih mewakili negara dalam mempamerkan aksi Seni Silat Gayong dalam Festival des Arts Martiaux (Festival Seni Beladiri) yang ke-30 anjuran majalah Seni Beladiri popular sekitar Eropah iaitu Karate Bushido di Le Palais des Congres pada 8 Mac 2015 yang lalu di Perancis.

Mereka terdiri daripada ahli persatuan Silat Seni Gayong Malaysia UMP (PSSGMUMP) atau dikenali dengan nama gelaran Gelanggang

Naga Rantau iaitu Muhammad Luqman Azmi, Mohd. Hilmihusaini Mohd. Sapari, Mohamad Zulpaka hashim, Nurwahira Mohd Yamin dan Siti Nur Amirah Alias manakala dua lagi adalah dalam kalangan alumni UMP iaitu Muhammad Nur Syaffiq Mahmood dan Mohammad Badrul Ishak Mustafa.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusserie Zainuddin berkata, pasukan UMP adalah satu-satunya pasukan yang mempersembahkan seni silat seberis dengan pasukan para sami Shaolin dari China, Grandmaster Karate Okinawa dari Jepun, Pasukan Tae Kwan Do kebangsaan dari Korea Selatan, Grandmaster Akido dari Jepun, pakar Krav Maga dari Israel dan pakar Capoeira dari Brazil.

"Gelanggang Naga Rantau terpilih mewakili Malaysia setelah tiga tahun mencuba untuk mendapat tempat bagi mempamerkan aksi dalam persembahan bertaraf dunia ini apatah lagi festival ini mengumpulkan barisan pengamal bela diri terbaik dunia.

"Persembahan kali ini mendapat sokongan oleh pihak Tourism Negeri Pahang dalam mengatur perjalanan di sana," katanya yang hadir dalam Majlis Penyerahan Bendera oleh Ketua Pasukan, Zulfahmi Zulkifli baru-baru ini.

Tambah beliau, persembahan ini akan melonjakkan nama UMP dan menunjukkan kemampuan pelajar universiti ini yang mampu bersaing membuat persembahan dengan pengamal seni bela diri dari luar.

Sementara itu, Penasihat PSSGM, Shaiful Hakim Mohamed Noor yang merupakan pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) berkata, persembahan ini dapat ditonton secara langsung di stesyen televisyen di Perancis dan di media sosial

termasuk YouTube `Karate Bushido Official` beberapa bulan selepas persembahan serta mendapat liputan dalam majalah Karate Bushido, dan juga akhbar tempatan di sana.

Bagi Zulfahmi, peserta sungguh teruja membuat persembahan dalam memperkenalkan seni silat Melayu di Kota Paris dan sambutan sungguh menggalakkan.

"Kami juga menghargai sokongan pihak Kedutaan Besar Malaysia iaitu Tan Sri Ismail Omar yang banyak memberi kata-kata semangat dan agar pasukan mempersembahkan aksi terbaik di pentas dunia di Kota Paris ini. Begitu juga bantuan dari pihak Atache Jabatan Perkhidmatan Awam, Shahir Hamizan dalam mengurus segala kemudahan sewaktu berada di sana."

"Kami turut menjalani latihan dengan bersungguh-sungguh bagi membiasakan diri masing-masing dengan pentas. Segalanya berjalan dengan lancar dan tidak mengalami sebarang kecederaan besar memandangkan mereka bermain dengan senjata. Mereka yang hadir sangat teruja dengan persembahan-persembahan yang dipersembahkan," ujar beliau.

Persembahan dimulakan dengan sembah hormat sebelum persembahan. Persembahan yang menjadi tumpuan adalah aksi Shaiful Hakim dengan parang dan perisai, Parang Gila yang dipentaskan oleh Hilmi dan Luqman dan Pentas Lembing persembahan oleh Syaffiq dan Badrul. Begitu juga dengan Kipas Cenderawasih oleh Wahida dan Amirah serta Pentas Tekpi bagi satu lawan tiga.

Selain membuat persembahan, pasukan berpeluang bertukar-tukar pandangan tentang seni budaya dengan peserta lain termasuk dari Uzbekistan, Russia dan lain-lain negara.